



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PPP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**30 MEI 2023 (SELASA)**



---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**30 MEI 2023 (SELASA)**

# KFC, Pizza Hut perkenal Menu RAHMAH RM5

Hidangan boleh didapati di 1,227 rangkaian restoran

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Rangkaian restoran di bawah QSR Brands, KFC dan Pizza Hut menjadi penyedia makanan terbaru menawarkan Menu RAHMAH pada harga RM5.

Hidangan Menu RAHMAH KFC adalah seketul ayam, roti Butterscotch beserta air mineral, manakala hidangan bagi Pizza Hut adalah 'Personal Piza' beserta air mineral.

Menu berkenaan boleh dibeli di 1,227 rangkaian restoran KFC dan Pizza Hut seluruh negara kecuali di Lapangan Terbang, Genting Highlands dan Legoland (bagi Menu RAHMAH KFC Meal) manakala Pizza Hut Hentian Rehat dan Rawat Pagoh dan Genting Highlands, bagi Menu RAHMAH Pizza Hut Meal.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan QSR Brands (M) Sdn Bhd, Nechal Khanna, berkata pihaknya percaya bahawa pengenalan inisiatif menu RAHMAH itu adalah amat penting dan tepat pada masanya.

"Ia adalah program yang pragmatik dan boleh dilaksanakan dan



Salahuddin bersama Nehchal (kiri) melancarkan Menu RAHMAH KFC dan Pizza Hut QSR Brands di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

kami melihatnya sebagai langkah kritikal untuk membantu menyokong komuniti, dalam masa yang agak mencabar ini.

"Oleh itu, kami amat berbesar hati kerana dapat menjalankan bahagian kami untuk masyarakat melalui menu RAHMAH ini.

"Kami harapkan menu daripada KFC dan Pizza Hut ini, akan menjadikan kami lebih dekat dan mudah diakses oleh lebih ramai rakyat Malaysia," katanya berucap pada majlis pelancaran Menu RAHMAH QSR Brands di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran menu berkenaan disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan

Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Yang turut hadir, Penggerusi QSR Brands (M) Holdings Bhd, Tan Sri Jamaludin Ibrahim.

Mengulas lanjut, Khanna berkata, QSR Brands faham bahawa ini hanyalah langkah pertama untuk memperbaiki kehidupan rama- rakyat Malaysia dan syarikat berharap dapat terus mengambil bahagian dalam membantu negara.

## MASALAH KEBULURAN

Katanya, melalui Yayasan Add Hope KFC, pihaknya terus berusaha untuk mengurangkan masalah kebuluran di dalam negara.

"Sepanjang tiga tahun lalu, yayasan ini telah menyumbang lebih RM1.7 juta dalam bentuk makanan untuk tujuan ini di Malaysia dan telah mencecah ribuan orang.

"Pada masa sama, melalui Project Harvest kami, kami bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Kechara, yang membantu memberi makan kepada gelandangan dan miskin bandar.

"Kami tahu, perjalanan masih jauh tetapi dengan usaha berte- rusan, saya amat percaya kami boleh membuat usaha yang ketara dalam membasmi kebuluran," katanya.

# Usaha selesai masalah rakyat

Town Hall Rakyat bersama Salahuddin dapat sambutan

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN  
**SHAH ALAM**

Program Town Hall Rakyat edisi keempat yang menampilkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub mendapat sambutan di Kompleks Kumpulan Karangkraf, Seksyen 15 di sini pada Isnin malam.

Program yang berlangsung pada jam 8.30 malam itu melibatkan sesi soal jawab antara Salahuddin bersama dengan penonton mengenai pelbagai isu termasuk kawalan barang, kegunaan dan kos sara hidup tinggi serta usaha kerajaan dalam menangani masalah tersebut.

Town Hall Rakyat yang dihoskan oleh selebriti, Azhar

Sulaiman itu merupakan platform interaktif untuk rakyat bersama dan bertanya pelbagai isu kepada pemimpin yang diundang.

Program anjuran Sinar Harian yang terbuka kepada orang ramai itu turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) KPDN, Datuk Roziah Abudin; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) KPDN, Datuk Roszaini Wahab; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Datuk Nor Azimah Abdul Aziz dan Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar.

Turut hadir Penasihat Bersama Kumpulan Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah; Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin dan Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Zamri Ramli.

Pada 6 Mac, program Town Hall Rakyat memulakan siaran edisi pertamanya menampilkan Menteri Komunikasi dan Digital,



FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR

Fahmi Fadzil.

Program berkenaan kemudiannya diteruskan bersama Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Dalam pada itu, pameran daripada agensi-agensi di bawah KPDN diadakan bagi memberi lebih banyak informasi kepada orang ramai.

Antara agensi terlibat ialah

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Bagi MyIPO, antara aktiviti diadakan seperti membuat pameran khidmat nasihat berkenaan harta intelek, risalah komponen harta intelek, kuiz harta intelek berserta hadiah selain pengenalan kepada Program Dana Harta Intelek untuk industri

kecil dan sederhana (IKS).

MyCC pula memperkenalkan bahan terbitan tentang fungsi suruhanjaya tersebut.

Selain itu, SSM mengadakan pameran untuk memberi lebih pendedahan kepada pengunjung mengenai peranan dan fungsi agensi-agensi di bawah KPDN, selain pendaftaran perniagaan, pengaktifan ID EzBiz serta skim pendaftaran percuma untuk B40 dan pelajar.

## Bekalan gula kembali pulih Khamis ini

**ALOR SETAR:** Bekalan gula di Kedah yang terjejas sejak beberapa minggu lalu dijangka kembali pulih bermula 1 Jun ini.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, masalah yang timbul sebelum ini berpunca daripada kerosakan dialami satu-satunya kilang gula di Kedah sejak 16 April lalu.

Katanya, kerosakan itu diatasi sepenuhnya pada 17 Mei lalu, namun kilang tersebut didakwa memerlukan masa untuk kembali mengeluarkan gula pada kadar sepatutnya.

"Akibat kerosakan yang berlaku, penghasilan gula oleh kilang tersebut berkurangan daripada 400 tan metrik sehari kepada cuma 250 tan sehari. Keadaan itu menjadi punca kepada kekurangan bekalan gula di negeri ini.

"Bagaimanapun kita sudah mendapat aku janji daripada pengilang yang mereka akan berusaha untuk kembali mencapai tahap pengeluaran 400 metrik tan sehari menjelang 1 Jun ini. Maka kita berharap isu ini akan ditutup 'bukunya' pada tarikh tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan ber-

sama pihak pengilang selain 14 daripada 20 pemborong gula di Kedah di sini, semalam.

Tambah Affendi, dalam pertemuan itu, pihaknya menegaskan agar tidak ada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan termasuk mengenakan syarat tertentu kepada pengguna mahu pun peruncit bagi mendapatkan gula.

"Kalau peruncit atau pemborong buat catuan kerana nak pastikan pembeli dapat gula selain mengelak pembelian panik, itu tak mengapa dan kami tak akan halang. Tetapi kalau letak syarat pembeli perlu beli gula premium terlebih dulu sebelum dibenarkan membeli gula kasar, itu dilarang di bawah akta kawalan bekalan" katanya.

Ketika ditanya dakwaan kononnya kekurangan gula di Kedah disebabkan peniaga menyorok bekalan itu berikutnya terdapat ura-ura kenaikan harga, Affendi berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi atau mengesan mana-mana peniaga yang berbuat demikian. "Sebenarnya tak ada isu pun kerana sehingga kini tidak ada arahan mahu pun keputusan untuk menaikkan harga gula kasar," ujarnya.

"Jadi isu berkaitan peningkatan harga gula ini sebenarnya tak timbul," katanya.



AFFENDI mengadakan pertemuan bersama pengilang dan 14 pemborong gula di pejabatnya di Alor Setar semalam.

Kekurangan gula disebabkan kerosakan mesin

## Bekalan gula di Kedah pulih 1 Jun

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

**ALOR SETAR** – Bekalan gula di Kedah yang terjejas sejak beberapa minggu lalu dijangka kembali pulih pada 1 Jun ini.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, masalah yang timbul itu sebelum ini berpuncu daripada kerosakan dialami satu-satunya kilang gula di Kedah sejak 16 April 2023.

Katanya, kerosakan itu telah berjaya diperbaiki sepenuhnya pada 17 Mei lalu, namun kilang tersebut didakwa memerlukan masa untuk kembali mengeluarkan gula pada kadar sepatutnya.

"Akibat kerosakan yang berlaku, penghasilan gula oleh kilang tersebut berkurangan daripada 400 metrik tan sehari kepada cuma 250 metrik tan sehari.

"Keadaan itu menjadi punca kepada kekurangan bekalan gula di negeri ini.



KERATAN Kosmo! 23 Mei 2023.

"Bagaimanapun kita sudah mendapat akaun janji daripada pengilang yang mereka akan berusaha untuk kembali mencapai tahap pengeluaran 400 metrik tan sehari seperti sebelum ini menjelang 1 Jun depan.

"Maka kita berharap isu ini akan ditutup 'bukunya' pada tarikh tersebut. Insya-Allah, bekalan gula akan kembali kepada asal bermula 1 Jun depan," katanya dalam sidang akhbar di

pejabatnya di sini semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan bersama pihak pengilang selain 14 daripada 20 pemborong gula di Kedah pejabat tersebut di sini semalam.

Affendi menambah, dalam pertemuan itu pihaknya turut menegaskan agar tidak ada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan dengan mengenakan syarat tertentu kepada pengguna mahu pun peruncit bagi mendapatkan gula.

"Kalau peruncit atau pemborong buat catuan kerana nak pastikan pembeli dapat gula selain mengelakkan pembelian panik, itu tak mengapa dan kami takkan halang.

Dalam pada itu, ditanya dakwaan pihak tertentu kononnya kekurangan gula di Kedah disebabkan tindakan peniaga menyorokkan gula berikutnya terdapat ura-ura mengenal kenaikan harga bahan itu, Affendi berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi.

## **Patuh arahan bekalan 42,000 tan metrik gula sebulan**

**Kuching:** Kekurangan bekalan gula yang disimpan di sesebuah premis dikenal pasti faktor beberapa pengusaha pasar raya dan kedai runcit di negeri ini mengehadkan jualan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Datuk Azman Mohd Yusof berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima aduan kekurangan bekalan gula di pasaran kerana pengeluar mematuhi arahan untuk membekalkan sejumlah 42,000 tan metrik gula putih setiap bulan.

Menurutnya, tidak timbul isu kekurangan bekalan walaupun ada aduan mendakwa jualan gula di beberapa tempat dihadkan.

"Keadaan ini (mengehadkan jualan) mungkin hanya tindakan sesetengah peniaga itu untuk mengawal bekalan gula di premis mereka berikutan stok yang disimpannya tidak banyak.

"Pada masa yang sama, permintaan gula meningkat disebabkan faktor perayaan, ja-

di peniaga itu sendiri mengambil inisiatif mengehadkan jualan bagi memastikan stok sedia ada mencukupi sementara menunggu bekalan baru tiba," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas majlis pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Gawai 2023 Peringkat Negeri

Sarawak di Farley Supermarket di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua

Pengarah Pengurusan Kuasa (Operasi) KPDN Shamsul Nizam Khalil dan Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin.

Azman diminta mengulas dakwaan terdapat pasaran raya di Bintulu dan Mukah mengehadkan jualan gula sejak kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, orang ramai boleh membuat aduan kepada KPDN jika berlaku kekurangan bekalan gula kerana pihaknya yakin jumlah yang diedarkan oleh pengeluar setiap bulan mencukupi untuk keperluan seluruh ne-

gara.

"KPDN tidak pernah mengeluarkan arahan mengawal jumlah gula kepada pembeli, ini adalah tindakan peniaga sendiri," katanya.

Mengenai SHMM Hari Gawai 2023 yang berkuat kuasa 29 Mei hingga 4 Jun ini, Azman berkata, sebanyak lapan jenis barang dikawal mengikut pelaksanaan skim itu.

Barangan terbabit adalah ayam tua hidup, kepak ayam, bawang putih (China), kobis bulat, ubi kentang, babi hidup, daging babi (perut) dan daging babi (daging dan lemak).

**KPDN tidak pernah keluar arahan kawal jumlah gula kepada pembeli**

Peniaga mengaku bersalah miliki 28,000 liter diesel, didenda RM120,000

## Balasan jual diesel subsidi tanpa lesen

**SUNGAI PETANI** — Seorang peniaga didenda RM120,000 setelah mengaku salah atas kesalahan memiliki 28,000 liter minyak diesel bersubsidi tanpa lesen, manakala tiga lelaki warga Myanmar yang merupakan pekerjaanya mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Lim Soon Ping, 41, bakal dikenakan hukuman penjara selama enam bulan jika gagal menjelaskan denda.

Tertuduh sebelum itu membuat pengakuan bersalah di hadapan Hakim Roslan Hamid dengan dibantu jurubahasa dalam bahasa Hokkien.

Tiga pekerjaanya, Win Ko Ning, Tan Win Htun dan Mg Win Thien yang kesemuanya tiada pengenalan diri dan memahami bahasa



SOON PING didakwa di Mahkamah Sesyen Sungai Petani semalam.

Hokkien mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, mereka berempat dituduh

mempunyai diesel sebanyak 4,000 liter di dalam sebuah lori tangki dan 24,000 liter minyak diesel di dalam sebuah lagi lori tangki tan-

pa lesen sah untuk diniagakan secara runcit atau borong.

Kesalahan memiliki barang berjudual itu itu dilakukan di sebuah premis tanpa nama di Kawasan Perusahaan Sungai Lalang pada 1.20 pagi, 10 April lalu.

Ini melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mengikut fakta kes, kesemua mereka ditahan sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Putrajaya selepas menemui sejumlah minyak diesel di dalam dua lori di lokasi berkenaan.

Siasatan lanjut mendapati, tiada sebarang rekod permohonan lesen borong atau runcit bahan berjudual itu atas nama

tertuduh.

Semakan ke atas rekod pemilik lesen atau permit dengan Bahagian Perdagangan Dalam Negeri juga menunjukkan bahawa tempat kejadian sememangnya tiada lesen dan disyaki sebagai stor haram.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa KPDN, Muhamad Sabiq Muhamad Nizam Amir, manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.

Hakim Roslan turut memerintahkan, dua lori tangki bersama minyak diesel bernilai RM60,200 di dalamnya dilucutkan hak kepada Kerajaan Malaysia.

Roslan turut menetapkan 5 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula untuk tiga warga Myanmar berkenaan dan memerintahkan mereka ditahan di Penjara Alor Setar.



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**30 MEI 2023 (SELASA)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 30 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-May	KFC, Pizza Hut join others to offer affordable 'Menu Rahmah' meals	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/29/kfc-pizza-hut-join-others-to-offer-affordable-menu-rahmah-meals/71490">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/29/kfc-pizza-hut-join-others-to-offer-affordable-menu-rahmah-meals/71490</a>	MALAYMAIL
30-May	KPDN tidak keluarkan arahan hadkan jualan gula	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/972032/kpdn-tidak-keluarkan-arahan-hadkan-jualan-gula">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/972032/kpdn-tidak-keluarkan-arahan-hadkan-jualan-gula</a>	HM
30-May	KPDN never issued order for retailers to limit sale of sugar to customers, says sec-gen	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/05/29/kpdn-never-issued-order-for-retailers-to-limit-sale-of-sugar-to-customers-says-sec-gen/">https://www.theborneopost.com/2023/05/29/kpdn-never-issued-order-for-retailers-to-limit-sale-of-sugar-to-customers-says-sec-gen/</a>	THEBORNEOPOST
30-May	Sandakan eateries warned against profiteering: KPDN	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/213612/sandakan-eateries-warned-against-profiteering-kpdn/">https://www.dailyexpress.com.my/news/213612/sandakan-eateries-warned-against-profiteering-kpdn/</a>	DAILYEXPRESS
30-May	Beberapa barang SHMMP Hari Gawai dijual lebih rendah – KPDN	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/bekalan-gula-kembali-pulih-khamis-ini/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/bekalan-gula-kembali-pulih-khamis-ini/</a>	UM
30-May	Bekalan gula kembali pulih Khamis ini	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/29/kpdn-perlu-pastikan-bekalan-semua-jenis-gula-mencukupi-fomca/">https://malaysiagazette.com/2023/05/29/kpdn-perlu-pastikan-bekalan-semua-jenis-gula-mencukupi-fomca/</a>	MALAYSIAGAZETTE
30-May	KPDN perlu pastikan bekalan semua jenis gula mencukupi – FOMCA	<a href="https://suarasarawak.my/kpdn-pantau-pelaksanaan-skim-harga-maksimum-di-swak/">https://suarasarawak.my/kpdn-pantau-pelaksanaan-skim-harga-maksimum-di-swak/</a>	SUARASARAWAK
30-May	KPDN pantau pelaksanaan skim harga maksimum di S'wak	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1107444/permintaan-tinggi-peniaga-hadkan-jualan-faktor-kekurangan-bekalan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1107444/permintaan-tinggi-peniaga-hadkan-jualan-faktor-kekurangan-bekalan</a>	BH
30-May	Harga barang SHMPP Hari Gawai dijual lebih rendah	<a href="https://www.edisi9.com.my/2023/05/harga-barangan-shmpp-hari-gawai-dijual-lebih-rendah/">https://www.edisi9.com.my/2023/05/harga-barangan-shmpp-hari-gawai-dijual-lebih-rendah/</a>	EDISI9

30-May	Peniaga didenda RM120,000 miliki diesel tanpa lesen	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/peniaga-didenda-rm120000-miliki-diesel-tanpa-lesen/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/peniaga-didenda-rm120000-miliki-diesel-tanpa-lesen/</a>	KOSMO
30-May	Rahmah Menu Now Available At KFC And Pizza Hut	<a href="https://www.businesstoday.com.my/2023/05/29/rahmah-menu-now-available-at-kfc-and-pizza-hut/">https://www.businesstoday.com.my/2023/05/29/rahmah-menu-now-available-at-kfc-and-pizza-hut/</a>	BUSINESTODAY
30-May	Salahuddin Ayub Lancar Menu Rahmah KFC dan Pizza Hut	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/29/salahuddin-ayub-lancar-menu-rahmah-kfc-dan-pizza-hut/">https://malaysiagazette.com/2023/05/29/salahuddin-ayub-lancar-menu-rahmah-kfc-dan-pizza-hut/</a>	MALAYSIAGAZETTE
30-May	Menu Rahmah contributes to reduction of food inflation	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2193498">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2193498</a>	BERNAMA
30-May	Menu Rahmah turun inflasi harga makanan, kata menteri	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/05/29/menu-rahmah-turun-inflasi-harga-makanan-kata-menteri/">https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/05/29/menu-rahmah-turun-inflasi-harga-makanan-kata-menteri/</a>	FMT
30-May	Menu Rahmah has reduced food inflation, says Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/05/914645/menu-rahmah-has-reduced-food-inflation-says-salahuddin">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/05/914645/menu-rahmah-has-reduced-food-inflation-says-salahuddin</a>	NST
30-May	30% increase in sales for Menu Rahmah operators, says Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/nation/2023/05/29/30-increase-in-sales-for-menu-rahmah-operators-says-salahuddin/">https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/nation/2023/05/29/30-increase-in-sales-for-menu-rahmah-operators-says-salahuddin/</a>	FMT
30-May	Konsortium Rahmah sebagai inisiatif bantu rakyat	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/konsortium-rahmah-sebagai-inisiatif-bantu-rakyat/">https://www.buletintv3.my/nasional/konsortium-rahmah-sebagai-inisiatif-bantu-rakyat/</a>	NULETINTV3
30-May	Konsortium Rahmah akan lebih manfaatkan rakyat - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/972110/konsortium-rahmah-akan-lebih-manfaatkan-rakyat-salahuddin-metrotv">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/972110/konsortium-rahmah-akan-lebih-manfaatkan-rakyat-salahuddin-metrotv</a>	HM
30-May	Konsortium Rahmah Bakal Ditubuhkan – Sasar Sedia Lebih Banyak Inisiatif Buat Rakyat	<a href="https://rnggt.com/202330242/">https://rnggt.com/202330242/</a>	RGGT

30-May	Town hall bersama YBM	<a href="https://www.youtube.com/live/bn9A4ooYUc0?feature=share">https://www.youtube.com/live/bn9A4ooYUc0?feature=share</a>	SH
30-May	Town hall bersama YBM	<a href="https://www.dailymotion.com/video/x8lc3gy">https://www.dailymotion.com/video/x8lc3gy</a>	SH
30-May	KPDN sedia timbang wujud Menu Rahmah di IPTS	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/260874">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/260874</a>	SH
30-May	Govt mulls Menu Siswa Rahmah for private varsities, colleges	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/nation/2023/05/30/govt-mulls-menu-rahmah-siswa-for-private-varsities-colleges/">https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/nation/2023/05/30/govt-mulls-menu-rahmah-siswa-for-private-varsities-colleges/</a>	FMT
30-May	'Bagi kami 5 tahun rencanakan kembali jentera pertanian negara'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/260886">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/260886</a>	SH
30-May	Salahuddin: No price hike or lack of sugar supply	<a href="https://youtu.be/WN39Ax3_EqA">https://youtu.be/WN39Ax3_EqA</a>	THESTAR
30-May	KPDN beri jaminan, bekalan gula di pasaran mencukupi	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/64407-kpdn-beri-jaminan-bekalan-gula-di-pasaran-mencukupi">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/64407-kpdn-beri-jaminan-bekalan-gula-di-pasaran-mencukupi</a>	BERITARTM
30-May	MGNews: Bekalan Gula Cukup Dan Harga Tidak Akan Naik – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/29/mgnews-bekalan-gula-cukup-dan-harga-tidak-akan-naik-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/05/29/mgnews-bekalan-gula-cukup-dan-harga-tidak-akan-naik-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
30-May	KPDN tidak terima lagi aduan gula kurang	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/972140/kpdn-tidak-terima-lagi-aduan-gula-kurang">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/972140/kpdn-tidak-terima-lagi-aduan-gula-kurang</a>	HM
30-May	KPDN tidak terima aduan kenaikan harga, kurang bekalan	<a href="https://youtu.be/0tu-Q7mT4oU">https://youtu.be/0tu-Q7mT4oU</a>	ASTROAWANI
30-May	Isu had pembelian gula di Bintulu disebabkan kekurangan stok	<a href="https://tvstv.my/2023/05/29/isu-had-pembelian-gula-di-bintulu-disebabkan-kekurangan-stok/">https://tvstv.my/2023/05/29/isu-had-pembelian-gula-di-bintulu-disebabkan-kekurangan-stok/</a>	TVSTV
30-May	Harga lapan jenis barang dikawal rapi sempena Gawai Dayak	<a href="https://www.utusansarawak.com.my/?p=45932">https://www.utusansarawak.com.my/?p=45932</a>	UMSARAWAK
30-May	Barang dijual lebih rendah berbanding harga kawalan – KPDN	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/barang-dijual-lebih-rendah-berbanding-harga-kawalan-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/barang-dijual-lebih-rendah-berbanding-harga-kawalan-kpdn/</a>	KOSMO